

KKT&P:100-4/16 Jld 3()

29 Jun 2012

Kepada,
Semua Presiden Majlis Perbandaran
dan Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Datuk/Tuan,

PELAKSANAAN APLIKASI eSPKB (SISTEM PERANCANGAN KAWALAN BELANJAWAN ELEKTRONIK) YANG DI BANGUNKAN OLEH JABATAN AKAUNTAN NEGARA.

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk taklimat/mesyuarat di adakan pada 14 Jun 2012 di Kementerian ini yang telah dihadiri oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) di Sabah.

2. Keputusan telah dibuat dalam mesyuarat tersebut bahawa aplikasi eSPKB akan dipasang diperingkat semua PBT akibat integrasi EGnet dengan SabahNet. Oleh yang demikian, PBT akan dapat menjalankan fungsi penyediaan dokumen kewangan seperti Pesanan Tempatan dan Baucar Bayaran di peringkat PBT masing-masing.

3. Bagi pelaksanaan aplikasi ini, PBT perlu mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- 3.1 Melantik pegawai-pegawai bagi menjalankan peranan **SEDIA, PERAKUAN I** dan **PERAKUAN II** bagi modul-modul disebutkan dalam Borang Permohonan Capaian Sistem e-SPKB yang disertakan;
- 3.2 Memohon **kad pintar** untuk Pegawai-pegawai yang dilantik untuk menjalankan peranan-peranan dalam aplikasi ini dan
- 3.3 Memohon **Pembaca kad pintar** mengikut jumlah komputer yang akan digunakan untuk aplikasi ini.

4. Borang-borang permohonan disebut di para 3 di atas adalah disertakan bersama ini untuk disempurnakan dan harus dihantar ke Kementerian ini dengan kadar segera.

.../2-

5. PBT adalah diminta menghubungi pegawai-pegawai Jabatan Akauntan Negara berikut tentang pemasangan aplikasi eSPKB ini:

5.1 Puan Norlilah Mostem
No. Telefon : 088-324807 atau

5.2 En. Razali Jemawi
No. Telefon bimbit: 0168383112

6. Bagi melancar dan menjayakan pelaksanaan aplikasi dan untuk memudahkan komunikasi diantara pihak PBT dan Jabatan Akauntan Negara serta Kementerian ini, **Ketua Bahagian Akaun di peringkat PBT telah dilantik sebagai Pegawai Perhubungan tentang pelaksanaan aplikasi ini.**

7. Sekiranya Datuk/tuan mempunyai sebarang kemusykilan mengenai pelaksanaan aplikasi ini, sila hubungi **Cik Phak Shiu Len** melalui No. telefon **088-256744.**

Sekian, dan diucapkan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH
BERSAMA MEMBUDAYAKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

Saya yang menurut perintah,



[RAYMAN BIN LOUDRIZE]
Timbalan Setiausaha Tetap
b.p. Setiausaha Tetap

s.k. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara
Beg Berkunci 2053
88594 KOTA KINABALU

} *Terima kasih atas kehadiran taklimat/
mesyuarat diadakan pada 14 Jun 2012.
Amatlah dihargai sekiranya
Jabatan tuan dapat menjadualkan tarikh
pemasangan sistem eSPKB diperingkat
PBT dan tarikh latihan kepada
kakitangan-kakitangan PBT.
... Dikemukakan bersama-sama ini alamat
dan no.telepon/fax PBT.*

" Pegawai Teknologi Maklumat
KKTP

.../lampiran

PSL/ry